

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12847

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan dan jumlah pengeluaran yang telah diluluskan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Akaun 3 selepas inisiatif ini dilaksanakan.

2. PN-1533-L13072

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menaikkan industri perfileman negara ke peringkat global.

3. PN-1533-L12594

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas selain dari Nota Bantahan terhadap Vietnam yang sebelum ini menuntut kawasan perairan milik negara terutama di Laut Borneo Utara seolah-olah ada cubaan untuk mengganggu kesejahteraan dalam kalangan negara-negara ASEAN.

4. PN-1533-L12953

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah anggaran kos pembinaan Lebuhraya WISE di Perak dan bilakah ia dijangka akan siap untuk beroperasi.

5. PN-1533-L12420

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap isu kekerapan gangguan perkhidmatan atas talian oleh institusi perbankan dan sejauh manakah kesediaan Kerajaan untuk mengenakan penalti susulan prestasi perkhidmatan perbankan yang kerap tergendala sehingga menyusahkan para pengguna.

6. PN-1533-L13022

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi mana-mana institusi pendidikan tempatan yang menjemput pihak luar termasuk agensi negara asing untuk datang melaksanakan program dan aktiviti bersama-sama pelajar.

7. PN-1533-L12514

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan faktor-faktor yang mendorong peningkatan bilangan kesalahan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak di negara ini, dan sejauh manakah keberkesanan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH dapat mengekang peningkatan kesalahan ini pada masa akan datang.

8. PN-1533-L12995

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha yang dilakukan untuk menangani isu-isu kebencian kaum dan agama dalam negara.

9. PN-1533-L12546

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani pengangguran belia yang semakin membimbangkan, terutamanya dalam konteks ekonomi baharu pasca pandemik serta bagaimana Kementerian dapat bekerjasama dengan sektor industri bagi memperkukuh kepadanan belia dengan peluang pekerjaan sedia ada.

10. PN-1533-L12823

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meletakkan had umur bagi pendaftaran akaun media sosial, terutamanya dalam kalangan remaja dan kanak-kanak.

11. PN-1533-L12793

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sasaran untuk memastikan tiada pelajar tercicir dalam pendidikan prasekolah, serta unjuran KPM untuk memastikan sasaran seratus peratus kanak-kanak berumur 6 tahun didaftarkan untuk mengikuti kelas prasekolah di seluruh negara.

12. PN-1533-L12942

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen Kementerian dalam usaha ataupun perancangan untuk memperkenalkan gaya hidup sihat dengan merancang program khususnya pendedahan jumlah pengambilan kalori di premis-premis kedai makanan dalam masa yang terdekat.

13. PN-1533-L12801

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengisi lebih kurang 290 perjawatan guru di SJKT dan 50 perjawatan guru Bahasa Tamil di SMK seluruh negara. Difahamkan bahawa seramai 69 calon telah memohon untuk perjawatan tersebut dan bilakah mereka akan dipanggil .

14. PN-1533-L12387

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menilai keberkesanan program bantuan ekonomi yang telah dilaksanakan. Apakah mekanisme pemantauan dan penilaian yang digunakan untuk memastikan program tersebut mencapai sasaran yang ditetapkan.

15. PN-1533-L12652

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan hasil lawatan-lawatan yang dihadiri oleh YAB Perdana Menteri ke luar negara untuk tahun 2024 dan baru-baru ini. Berapakah hasil pulangan pelaburan (ROI) yang berjaya dimeterai hasil dari lawatan-lawatan tersebut.

16. PN-1533-L12827

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah strategik Kementerian bagi penyelesaian konflik kartel padi, beras dan pengaruh terhadap petani, industri tempatan serta langkah proaktif bagi menangani isu kartel dalam bekalan dan kawalan harga makanan di Malaysia.

17. PN-1533-L12965

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan atau Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia mempunyai perancangan untuk mengembangkan senarai kawasan yang diwartakan untuk menangani masalah pembolosan di sempadan Sabah.

18. PN-1533-L12481

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kementerian Digital akan menangani cabaran berhubung dengan agensi MCMC yang bertanggungjawab mengawal selia infrastruktur digital, yang kini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi. Bolehkah Kerajaan mempertimbangkan situasi untuk memilih separuh daripada ahli lembaga pesuruhjaya MCMC daripada pengurusan Kementerian Digital dan agensi-agensi di bawahnya.

19. PN-1533-L12461

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah permohonan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) di Sarawak mengikut daerah; dan
- (b) apakah agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan IKR serta kekangan yang dihadapi untuk melaksanakannya.

20. PN-1533-L12760

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan untuk aset kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

21. PN-1533-L12534

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan penjelasan berkaitan harga barang keperluan makanan yang diimport ekoran kenaikan mata wang USD kepada RM4.67 untuk 1 dollar baru-baru ini. Adakah Kerajaan mengambil langkah pengawalan harga atau pendekatan memberi arahan kepada pemborong untuk menurunkan harga barangan pengguna apabila nilai mata wang USD menurun.

22. PN-1533-L12399

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan bantuan penyelenggaraan kepada sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daripada jumlah RM 25.57 juta pada tahun 2023 yang telah dimanfaatkan sehingga kini. Apakah mekanisme khusus serta piawaian Kementerian bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan aset termasuk infrastruktur.

23. PN-1533-L12716

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan-kesan mewajibkan pekerja asing mencarum ke dalam KWSP ke atas pekerja, majikan dan negara.

24. PN-1533-L12379

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperkukuhkan infrastruktur digital dan memastikan akses internet yang lebih meluas terutama di kawasan luar bandar dan terpencil. Bagaimanakah Kementerian merancang untuk mengatasi masalah jurang digital di Malaysia.

25. PN-1533-L12602

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneliti penggunaan semula kad fizikal lesen memandu dengan mengambil kira desakan dan rungutan dari rakyat apabila menghadapi masalah di luar negara mengenai lesen memandu digital yang tidak diterima pakai oleh negara luar mengikut standard piawaian antarabangsa.

26. PN-1533-L12622

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) statistik terkini miskin tegar mengikut pecahan negeri; dan
- (b) adakah Kerajaan telah berjaya mencapai sasaran menoktahkan miskin tegar pada tahun 2023.

27. PN-1533-L12862

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyelesaian kepada masalah kekurangan parkir di hospital-hospital Kerajaan seperti Hospital Sg. Buloh, Selangor.

28. PN-1533-L12582

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam mempromosi dan menggalakkan penyertaan masyarakat Orang Asal di Sabah khususnya penduduk kampung di pedalaman dalam Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) tanpa mengira fahaman politik dan menyediakan bimbingan kepada masyarakat yang berminat.

29. PN-1533-L12848

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pencarum yang telah berdaftar di bawah subsidi caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO dan apakah sektor perniagaan mempunyai jumlah pencarum yang tertinggi.

30. PN-1533-L12723

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah bersepadu Kementerian dalam mengawal peningkatan kos sara hidup susulan dengan penyasaran subsidi minyak RON95 kelak.

31. PN-1533-L12791

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan bakal memperbanyakkan lagi geran-geran khas atau bantuan Kerajaan melalui kerjasamana dengan syarikat dan bank perdagangan selain bantuan berbentuk pinjaman yang memerlukan pembayaran balik khusus untuk wanita sahaja bagi memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi khususnya bidang perniagaan.

32. PN-1533-L12921

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk membendung kontroversi melalui media tentang hal-hal pokok berkaitan dengan agama yang melibatkan sejumlah individu yang tergolong atau dianggap tokoh agama, bagi mengelakkan kekeliruan dalam masyarakat.

33. PN-1533-L12428

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pentaksiran semula ke atas takrif kadar elektrik yang meningkat yang dilihat sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perbelanjaan bulanan kepada golongan M40 bermula Januari lalu.

34. PN-1533-L12874

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini PADU dalam mengintegrasikan dan menyelaraskan pangkalan data daripada Kementerian dan Agensi lain.

35. PN-1533-L12765

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan jangka panjang pihak Kementerian dalam mendepani cabaran khususnya peningkatan jumlah kanak-kanak autisme.

36. PN-1533-L12526

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk menyeragamkan pengoperasian perkhidmatan kaunter pada waktu rehat di semua agensi Kerajaan. Ini adalah bagi memudahkan rakyat berurusan dengan jabatan Kerajaan kerana waktu yang lebih panjang diberikan kepada mereka untuk sebarang urusan. Langkah ini selari dengan hasrat Kerajaan menambah kecekapan kakitangan Kerajaan di dalam segala urusan yang melibatkan orang ramai.

37. PN-1533-L13008

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan strategi dan pelan tindakan Kerajaan untuk memastikan pembekalan tenaga elektrik yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri kecerdasan buatan (AI) dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun yang akan datang.

38. PN-1533-L12913

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah pemantauan yang dilakukan untuk memastikan bahawa institusi pendidikan swasta di negara ini mematuhi ketetapan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) tentang tiga perkara penting, iaitu kursus Kenegaraan, kursus Bahasa Melayu dan kursus Agama Islam atau Pendidikan Moral.

39. PN-1533-L13062

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menarik minat golongan muda tempatan melibatkan diri dalam sektor dan industri getah.

40. PN-1533-L12769
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan strategik Kementerian dalam menangani kemalangan melibatkan kenderaan berat yang semakin membimbangkan.
41. PN-1533-L13042
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah geran Agropreneur Muda yang diperuntukkan sepanjang tahun 2023 dan 2024.
42. PN-1533-L12469
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah anak kepada pemastautin tetap di bawah Perkara 15A dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan akan terus dipertimbangkan apabila mereka memohon kewarganegaraan setelah pindaan menjadi warganegara secara automatik untuk anak pemastautin tetap diubah kepada proses memohon kewarganegaraan diluluskan.
43. PN-1533-L12985
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) mekanisme subsidi bersasar melalui MyKad atau e-dompet khususnya bagi warga emas atau mereka yang tiada akses kepada teknologi. Mengapakah sistem PADU yang dibangunkan dengan kos yang tinggi dan sudah ada data rakyat yang lengkap tidak digunakan. Adakah ini langkah yang terbaik untuk mencegah ketirisan; dan
 - (b) Mengapakah Kementerian tidak menggunakan teknologi inovatif seperti RFID pada nombor plat kenderaan untuk ketepatan dan keselamatan yang lebih baik.
44. PN-1533-L13050
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung Persekutuan (JPKKP) semasa bencana banjir berlaku, memandangkan Pegawai Daerah hanya memberikan peranan kepada JPKK.

45. PN-1533-L12407

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional untuk menswastakan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) serta bagaimana langkah ini dapat meningkatkan kecekapan pengendalian lapangan terbang dan memberikan pulangan pelaburan kepada Kerajaan.

46. PN-1533-L12441

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha terkini Kementerian dalam memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pencatutan bagi mencegah peniaga daripada menaikkan harga barang secara berlebihan.

47. PN-1533-L12669

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status terkini dalam proses pembangunan Agenda Negara Menua yang menumpukan kepada rancangan pembangunan sosioekonomi jangka sederhana dan panjang bagi mendepani isu negara menua dan negara tua.

48. PN-1533-L13087

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memasukkan negara Timor-Leste sebagai ahli ASEAN memandangkan Malaysia akan mempengerusikan ASEAN pada tahun 2025.

49. PN-1533-L12641

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sambutan rakyat ke atas simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berikutan pelepasan cukai individu dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun ini dan berapakah jumlah terkini penyimpan yang telah menyertai SSPN mengikut negeri sejak 2020.

50. PN-1533-L12362

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memasukkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) termasuk Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) ke dalam subjek pembelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah.

51. PN-1533-L12733

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pemberian Kementerian kepada Negeri Johor bagi meningkatkan daya saing negeri ini untuk menarik lebih ramai pelancong luar menerusi agenda Tahun Melawat Johor 2026 khususnya yang melibatkan inisiatif pelancongan di kawasan perairan Mersing.

52. PN-1533-L12882

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang telah dijalankan untuk menganggarkan jumlah penggunaan elektrik dan air oleh pusat data.

53. PN-1533-L12854

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik pembekuan akaun mula dari tahun 2018 sehingga kini serta keberkesanan tindakan ini dalam menangani masalah penipuan bank dan penipuan dalam talian bagi mengesan pengaliran wang hasil penipuan.

54. PN-1533-L12977

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan prasekolah yang akan dibina di SJK(T) menggunakan peruntukan Bajet 2025. Apakah strategi Kementerian bagi memenuhi keperluan lebih 265 SJK(T) yang masih tiada kemudahan ini. Adakah SJK(T) Puchong termasuk dalam senarai tersebut.

55. PN-1533-L12778

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan kaedah terbaik dalam memastikan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang dianggarkan sebanyak RM 916 juta pada 2025 hanya dinikmati oleh pengguna domestik tempatan dan mekanisme agihan minyak masak bersubsidi diberikan secara adil kepada isi rumah B40 dan M40 serta mengharamkan pembelian oleh warga asing.

56. PN-1533-L12502

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengekang perjudian dalam talian.

57. PN-1533-L12706

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah punca insiden letupan yang telah berlaku di beberapa buah kilang di Kawasan Perindustrian Samalaju, Sarawak pada tahun ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat berkaitan termasuk tindakan untuk memastikan keselamatan pekerja dan tempat kerja sentiasa terjamin.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

2. (D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

3. (D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

4. (D.R.61/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

5. (D.R.60/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Data 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Digital]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 32	Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah Dan Tubir Selatan	19 Disember 2024
DN.4/ 2024	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat	19 Disember 2024
DN.5/ 2024	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang	19 Disember 2024